

SKEMA SET 1

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan (2 markah)

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | Petikan membincangkan kebaikan-kebaikan / kelebihan-kelebihan / faedah-faedah mewujudkan Kelab Doktor Muda di sekolah. | 2 |
| P2 | Petikan membincangkan kebaikan-kebaikan / kelebihan-kelebihan / faedah-faedah mewujudkan Kelab Doktor Muda. | 1 |
| P3 | Rumusan membincangkan kebaikan-kebaikan / kelebihan-kelebihan / faedah-faedah mewujudkan Kelab Doktor Muda dan implikasi pelaksanaannya kepada negara. | 2 |
| P4 | Petikan/Rumusan membincangkan manfaat-manfaat mewujudkan Kelab Doktor Muda | 0 |

Isi Tersurat (4 hingga 12 markah)

- | | | |
|----|---|---|
| S1 | murid berpeluang meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas kesihatan | 2 |
| S2 | program paling berjaya dan berkesan membentuk tabiat kesihatan seawal di bangku sekolah | 2 |
| S3 | pelajar akan mendapat pengetahuan dan kemahiran kesihatan | 2 |
| S4 | pelajar akan belajar menghargai kesihatan yang telah dianugerahkan | 2 |
| S5 | mendapat pengalaman membantu pasukan kesihatan sekolah menguruskan hal-hal berkaitan kesihatan pelajar. | 2 |
| S6 | menerapkan amalan gaya hidup sihat dan mengekalkannya sehingga dewasa | 2 |
| S7 | pelajar dapat memupuk sifat kepimpinan dan keyakinan dalam diri | 2 |
| S8 | dapat menyemai cita-cita pelajar untuk menjadi doktor apabila dewasa kelak | 2 |
| S9 | dapat memperkuuh penglibatan guru serta warga sekolah lain dalam usaha meningkatkan kesihatan | 2 |

Isi Tersirat (4 hingga 12 markah)

- | | | |
|----|---|---|
| T1 | dapat merealisasikan negara maju menjelang 2020 | 2 |
| T2 | negara mempunyai tenaga kerja mahir | 2 |
| T3 | negara mempunyai pemimpin yang berkaliber | 2 |
| T4 | negara dihormati oleh negara-negara lain | 2 |

Penutup

- | | | |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama antara satu sama lain untuk melahirkan lebih ramai doktor di Malaysia supaya tahap kesihatan dapat ditingkatkan. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, semua pihak harus bekerjasama untuk melahirkan lebih ramai doktor. | 1 |

(Kesimpulan lain yang sesuai diterima)

2 (a). Petikan Umum.

(i). Maksud

- | | |
|---------------------|---|
| • memupuk impian | 2 |
| • memupuk keinginan | 1 |
| • menanam keazaman | 0 |

(ii). Langkah-langkah

- pihak sekolah perlu mengambil langkah menggalakkan pelajar menyertai kelab tersebut seperti mengadakan kempen kesedaran supaya ramai pelajar yang akan berminat menyertai kelab tersebut
- menawarkan hadiah menarik untuk setiap aktiviti atau program yang dijalankan
- pihak sekolah juga boleh mengadakan pelbagai pertandingan antara sekolah dalam daerah untuk mencungkil bakat-bakat baru.

(iii). Cadangan isi

- sentiasa menggalakkan anak-anak menyertai setiap aktiviti atau program yang diadakan oleh pihak sekolah
- membelikan anak-anak kelengkapan dan keperluan ketika melaksanakan aktiviti di sekolah
- menjadi penaja aktiviti jika berkemampuan.

(Jawapan lain yang relevan boleh diterima)

Soalan 2 (b). Petikan Cerpen

(i). Hilang nilai tradisinya

- * kota itu dibangunkan dengan kempen yang penuh dengan api prasangka
- * sikap warganya yang sangat prejudis
- * warga kota itu dipisahkan oleh banteng-benteng ketaksuban dan kepentingan diri masing-masing.

(ii). Tindakan-tindakan

- * kerajaan perlu menggiatkan kempen-kempen kesedaran kepentingan perpaduan kaum
- * pihak sekolah perlu mengadakan bulan atau minggu untuk mengintegrasikan murid pelbagai kaum dalam satu kumpulan sesi pembelajaran
- * ibu bapa perlu sentiasa memberikan kata-kata nasihat kepada anak-anak tentang kepentingan perpaduan kaum

(iii). Satu persoalan dalam petikan cerpen

- * masalah perpaduan antara kaum dalam kalangan masyarakat kota. Contohnya, masyarakat kota kini sudah tidak sependapat dan harmoni seperti masyarakat dulu.

Satu persoalan lain daripada keseluruhan cerpen

- * kerapuhan jati diri anak muda menghadapi cabaran modenisasi. Contohnya, anak muda di kota hidup bebas dalam keseronokan kerana mengikuti arus perubahan zaman.

Jawapan 3 (a)

- | | |
|--------------------|---|
| (i). keluaran | - yang dikeluarkan (dihasilkan), yang diterbitkan (benda bukan buku, majalah), yang telah lulus dari maktab / universiti, yang terdidik atau terlatih, lepasan. |
| (ii). mengeluarkan | - membawa atau menyebabkan keluar dari sebelah dalam sesuatu. Contoh, bangunan, bilik, bekas, tubuh ke sebelah luarnya. |
| (iii). pengeluaran | - perihal mengeluarkan, usaha (proses) menghasilkan sesuatu. |
| (iv). berguna | - berfaedah, bermanfaat, mendatangkan faedah atau manfaat. |
| (v). menggunakan | - mengambil faedah, memakai, mengerjakan (melakukan)sesuatu |
| (vi). penggunaan | - perihal (perbuatan, kegiatan dll), menggunakan sesuatu, pemakaian (barang-barang, hasil perusahaan, bahan makanan dll). |

Jawapan 3 (b)

- (i). Sebanyak RM 20 000 telah dikutip oleh Sekolah Kebangsaan Seri Angsana melalui program Hari Keusahawanan.
- (ii). Semua mangsa yang terperangkap dalam keretapi itu telah dikeluarkan oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat.
- (iii). Kain itu sudah dilipat oleh ibu petang semalam walaupun keletihan selepas balik dari Kuala Terengganu.
- (iv). Permintaan jurulatih untuk menang dalam pertandingan bola tampar telah kami tunaikan.
- (v). Surat kenaikan pangkat telah disampaikan oleh tuan pengetua kepada beberapa orang guru.
- (vi). Murid-murid yang berfikiran kreatif dan inovatif berjaya dilahirkan oleh transformasi pendidikan.

Jawapan 3 (c)

- | | | |
|--------|------------|-------------|
| (i). | ide | - idea |
| | membimbing | - dibimbing |
| (ii). | otomotif | - automotif |
| | sasar | - sasaran |
| (iii). | penambahan | - tambahan |
| | fermasi | - farmasi |

Jawapan 3 (d)

- | | | |
|--------|------------------------|--------------------|
| (i). | kebanyakan filem-filem | - kebanyakan filem |
| | mendedahkan | - memaparkan |
| (ii). | mentaksir | - mentaksir |
| | di dalam | - dalam |
| (iii). | terpesona | - terpegun |
| | panas | - bernas |

Jawapan 3 (e)

- (i) seperti embun di hujung rumput
- (ii) bagi pinang dibelah dua
- (iii) masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak